

Sektor korporat perlu cipta nilai, kekayaan

BH - 31/10/2019 m/s: 2

Jadi enjin pacu pertumbuhan negara, wujud lebih banyak peluang pekerjaan

Oleh Mohd Azrone Sarabatin, Mahanum Abd Aziz dan Nora Mahpar
bhnews@bh.com.my

Kuala Lumpur: Syarikat pelaburan berkaitan kerajaan (GLIC) dan syarikat berkaitan kerajaan (GLC) perlu menumpukan usaha mewujudkan institusi yang kukuh serta dasar yang menyokong pertumbuhan untuk memacu pertumbuhan negara.

Menegaskan demikian Perdana Menteri, Tun Dr Mahathir Mohamad, berkata bagi membina masa depan yang mapan dan inklusif, GLIC dan GLC perlu menilai semula penyertaan mereka dalam sektor korporat dan mengiktiraf sinergi dengan sektor swasta.

“Sektor korporat perlu memainkan peranan lebih besar dalam mencipta nilai dan kekayaan dengan sebahagian proses ini

adalah kunci kepada produktiviti dan pembangunan bakat,” katanya ketika menyampaikan ucapan khas merasmikan Sidang Kemuncak Korporat Permodalan Nasional Berhad (PNB) 2019, di sini, semalam.

Yang turut hadir, Menteri Hal Ehwal Ekonomi, Datuk Seri Mohamed Azmin Ali; Menteri Pembangunan Usahawan, Datuk Seri Mohd Redzuan Yusof dan Pengerusi Kumpulan PNB, Tan Sri Dr Zeti Aziz.

Dr Mahathir berkata, sektor swasta boleh menjadi enjin memacu pertumbuhan negara dengan mewujudkan lebih banyak peluang pekerjaan.

Sektor korporat pula katanya, perlu memainkan peranan lebih besar dalam mencipta nilai dan kekayaan dengan sebahagian proses ini adalah kunci kepada produktiviti dan pembangunan bakat.

“Penggunaan teknologi juga perlu diperluaskan, manakala sektor swasta dan GLC perlu menyokong sistem pendidikan sedia ada selain memperkasakan usahawan yang akan menyumbang kepada sektor swasta yang dinamik.

“Usaha ini akan menyumbang kepada pertumbuhan lebih inklusif dengan kenaikan pendapatan dan peningkatan kualiti hidup lebih baik, termasuk kum-

pulan berpendapatan rendah,” katanya.

Dr Mahathir berkata, ketika ini terdapat ketidakseimbangan dalam penyertaan sektor awam dan swasta dalam bidang korporat yang jika dibiarkan boleh menjejaskan masa depan negara.

Beliau turut menjelaskan bahawa kerajaan baharu sudah bekerja lebih masa bagi meningkatkan usaha memperbaiki kerosakan yang ditinggalkan kerajaan terdahulu.

Justeru, kerajaan melaksanakan pembaharuan penting untuk meningkatkan kestabilan, pengukuhan pengurusan fiskal dan meningkatkan ketelusan tadbir urus korporat.

Bagaimanapun katanya, kerajaan terus dibebani hutang besar yang ditinggalkan pentadbiran terdahulu.

“Sejak perubahan kerajaan satu setengah tahun lalu, kita telah membongkar satu persatu penyelewengan. Kini kita boleh melihat jalan menuju pemulihan,” katanya.

Bertemakan ‘Merangsang Semula Korporat Malaysia’, persidangan anjuran PNB Research Institute itu bertujuan mempepori usaha transformasi sektor korporat Malaysia dengan dihadiri lebih 500 peserta pelbagai sektor.